



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGARUH PERSEKITARAN SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU  
DISIPLIN MURID SEKOLAH RENDAH DI KLANG, SELANGOR,  
MALAYSIA***

**HASEENA BANU BT ABDUL KALAM**

**FEM 2016 1**



**PENGARUH PERSEKITARAN SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU  
DISIPLIN MURID SEKOLAH RENDAH DI KLANG, SELANGOR,  
MALAYSIA**

Oleh

**HASEENA BANU BT ABDUL KALAM**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**April 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

*Buat keluarga yang dikasihi,*

***Hj. Abdul Kalam O.A Rajak (Baba)***

***Jubaitha Beevi Syed Mohamed (Emak)***

***Mohd Thaha Sheik Masthan (Bapa Mertua)***

***Ayesha Shaik Alaudeen (Emak Mertua)***

***Samsul Arifin Mohd Thaha (Suami)***

***Adik-adik & Adik-adik ipar***

*Terima kasih yang tidak terhingga di atas doa, perhatian dan sokongan yang diberikan selama ini.*

*Segala pengorbanan dan perkongsian susah-senang menjadi azimat yang amat berharga buat-ku.*

*Buat anak-anak yang dikasihi,*

***Muhammad Taufiq Alalif***

***Izzatul Izzdiana***

***Muhammad Wafiq Alaqil***

***Wajihatul Wafeeqa***

***Tasinatul Taufeeqa***

***Arifatul Afeeqa***

*“Ketahuilah bahawa menuntut ilmu dunia dan akhirat tidak ternilai harganya.  
Jadilah anak yang soleh dan berjasa kepada agama, keluarga, bangsa dan negara”.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGARUH PERSEKITARAN SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU  
DISIPLIN MURID SEKOLAH RENDAH DI KLANG, SELANGOR,  
MALAYSIA**

Oleh

**HASEENA BANU BT ABDUL KALAM**

**April 2016**

**Pengerusi : Mohd Ibrani Shahrinin b Adam Assim, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Kajian ini adalah satu penyelidikan yang mengkaji mengenai pengaruh persekitaran sosial terhadap tingkah laku, disiplin murid-murid Sekolah Rendah Daerah Klang. Sekolah Kebangsaan Telok Pulai dan Sekolah Kebangsaan Taman Gembira telah dipilih sebagai sampel kajian. Ia bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap disiplin dalam kalangan murid-murid terutamanya murid tahun 4, 5 dan 6. Kajian ini adalah satu kajian berbentuk deskriptif dan korelasi. Seramai 450 orang murid telah dipilih secara rawak sebagai responden. Segala maklumat diperolehi dengan menggunakan borang soalselidik. Instrumen kajian yang digunakan merupakan adaptasi daripada soal selidik hasil kajian Najib (1999). Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan ke atas 30 orang responden yang tidak termasuk dalam sampel kajian dan Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.849. Analisis dilakukan menggunakan perisian "SPSS 21.0 for Windows". Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara tahap disiplin murid dengan faktor guru dan pengajaran guru, ibubapa dan keluarga serta faktor rakan sebaya. Sementara faktor persekitaran sekolah mempunyai hubungan yang positif dan tidak signifikan dengan tahap disiplin. Faktor yang paling dominan mempengaruhi tahap disiplin adalah faktor keluarga berdasarkan min yang paling rendah kerana pernyataan merupakan soalan berbentuk negatif maka min rendah adalah yang terbaik. Hasil kajian ini dapat membantu ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran bagi menjauhi gejala salah laku dalam kalangan anak-anak mereka agar menjadi individu yang bersikap positif demi kesejahteraan masa depan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

**INFLUENCE OF SOCIAL ENVIRONMENT ON DISCIPLINE BEHAVIOUR  
OF PRIMARY SCHOOL STUDENTS IN KLANG SELANGOR, MALAYSIA**

By

**HASEENA BANU BT ABDUL KALAM**

**April 2016**

**Chairman : Mohd Ibrani Sharimin b Adam Assim, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

This is a research study that examines the influence of the environment on behaviour, discipline and social attribution among the students in Klang District Primary School. Telok Pulai Primary School and Taman Gembira Primary School was selected as the sample. It aims to identify the factors that influence the level of discipline among students, especially Standard 4, 5 and 6 student. This study is a descriptive and inferential study. A total of 450 students were randomly selected as respondents. All information was obtained by using questionnaires and. The instrument used in this study was adapted from the questionnaire produced by Najib (1999). A realibility test was conducted on 30 respondents who were not part of the random selection involved in the research. The analysis was done using the "SPSS 21.0 for Windows software. The study found that there is a positive and significant relationship between the level of discipline with the teacher and the teaching method, parents and family and peer factors. While the school environment factors had a positive and non significant association with the level of discipline. The most dominant factor influencing the level of discipline is family factors based on lowest mean because the statement is in the form of negative questions so low mean is the best. It is hoped that this research would provide benefits to the school management and serve as a guideline for solving discipline problems among primary school students . The research aims to guide parents in inculcating values and realisation in their children so that a positive behaviour leads them towards a brighter future.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Penyayang

ALHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah S.W.T di atas hidayah, petunjuk serta limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan kajian ini sebagaimana yang dihasratkan. Projek ini adalah sebagai memenuhi syarat untuk saya bergraduat.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada penyelia tesis iaitu Dr. Mohd Ibrani Shahrinin bin Adam Assim yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, idea dan bimbingan dalam menyiapkan kajian ilmiah ini.

Penulis turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Ma'rof b Redzuan yang telah banyak memberi banyak bimbingan dan tunjuk-ajar dalam menjayakan penulisan tesis ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Klang.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh guru-guru Sekolah Kebangsaan Telok Pulau dan guru-guru Sekolah Kebangsaan Taman Gembira yang telah membantu saya sepanjang kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada pelajar-pelajar Tahap 2 yang telah menjadi responden dalam kajian ini.

Saya bermohon kepada Allah S.W.T semoga memberikan keberkatan kepada saya dan semua yang memberikan bantuan dari segi mental serta spiritual dalam menjayakan penyelidikan ini.

Wassalam.

Haseena Banu bt Abdul Kalam  
April 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Ibrani Shahrinin Adam Assim, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ma'rof b Redzuan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekonomi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT , PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Haseena Banu Bt Abdul Kalam (GS 27796)

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Dr. Mohd Ibrani Shahrinin Adam Assim

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Ma'rof b Redzuan

## ISI KANDUNGAN

|                                                                   | Halaman       |
|-------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b>ABSTRAK</b>                                                    | i             |
| <b>ABSTRACT</b>                                                   | ii            |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                                | iii           |
| <b>PENGESAHAN</b>                                                 | iv            |
| <b>PERAKUAN</b>                                                   | vi            |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                             | xi            |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                              | xii           |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                          | xiii          |
| <br><b>BAB</b>                                                    |               |
| <b>1 PENDAHULUAN</b>                                              | <b>1</b>      |
| 1.1 Pengenalan                                                    | 1             |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                                         | 2             |
| 1.3 Pernyataan Masalah                                            | 5             |
| 1.4 Objektif Kajian                                               | 6             |
| 1.5 Hipotesis Kajian                                              | 7             |
| 1.6 Skop Kajian                                                   | 8             |
| 1.7 Kepentingan Kajian                                            | 8             |
| 1.8 Limitasi Kajian                                               | 10            |
| 1.9 Kerangka Teoritikal                                           | 10            |
| 1.9.1 Teori-teori Kemerosotan Disiplin                            | 10            |
| 1.9.2 Konsep Salah Tingkah laku                                   | 10            |
| 1.9.3 Kognitif                                                    | 13            |
| 1.9.4 Afektif                                                     | 14            |
| 1.9.5 Tingkah laku (psikomotor)                                   | 14            |
| 1.9.6 Teori Hierarki Keperluan Maslow                             | 15            |
| 1.9.7 Teori Konsep Kendiri                                        | 17            |
| 1.9.8 Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura sebagai Model Kajian | 18            |
| 1.9.9 Aplikasi Teori Pembelajaran Sosial Bandura                  | 20            |
| 1.10 Kerangka Konseptual Kajian                                   | 21            |
| 1.11 Definisi Konseptual dan Operasional                          | 21            |
| 1.11.1 Sikap                                                      | 22            |
| 1.11.2 Tingkah laku                                               | 22            |
| 1.11.3 Disiplin                                                   | 23            |
| 1.11.4 Pengaruh                                                   | 23            |
| 1.11.5 Pelajar                                                    | 24            |
| 1.11.6 Guru                                                       | 24            |
| 1.11.7 Persekitaran                                               | 25            |
| 1.11.8 Rakan Sebaya                                               | 25            |
| <br><b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>                                   | <br><b>26</b> |
| 2.1 Pendahuluan                                                   | 26            |

|          |                                                        |           |
|----------|--------------------------------------------------------|-----------|
| 2.2      | Definisi Niat                                          | 26        |
| 2.3      | Konsep Salah Laku atau Masalah Disiplin                | 27        |
| 2.4      | Konsep Niat Untuk Bertingkah Laku                      | 29        |
| 2.5      | Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Masalah Disiplin Murid | 30        |
| 2.5.1    | Faktor Demografi                                       | 30        |
| 2.5.2    | Kajian Mengenai Pengajaran Guru                        | 31        |
| 2.5.3    | Kajian Hubungan Kekeluargaan                           | 32        |
| 2.5.4    | Kajian Pengaruh Persekitaran Sekolah                   | 34        |
| 2.5.5    | Kajian Mengenai Pengaruh Rakan Sebaya                  | 36        |
| 2.6      | Kesimpulan                                             | 37        |
| <b>3</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                               | <b>39</b> |
| 3.1      | Pengenalan                                             | 39        |
| 3.2      | Reka Bentuk Kajian                                     | 39        |
| 3.3      | Lokasi Kajian                                          | 41        |
| 3.4      | Populasi Kajian                                        | 41        |
| 3.5      | Sampel Kajian                                          | 42        |
| 3.6      | Instrumen Kajian                                       | 43        |
| 3.7      | Kajian Rintis                                          | 44        |
| 3.8      | Prosedur Kajian                                        | 44        |
| 3.8.1    | Bahagian A : Latar Belakang Responden                  | 45        |
| 3.8.2    | Bahagian B : Faktor yang Mempengaruhi Tahap Disiplin   | 46        |
| 3.9      | Keesahan Soal Selidik                                  | 46        |
| 3.10     | Analisis Data Kajian                                   | 46        |
| 3.10.1   | Analisis Deskriptif                                    | 47        |
| 3.10.2   | Korelasi Pearson                                       | 47        |
| 3.10.3   | Pengujian Hipotesis                                    | 47        |
| 3.11     | Kaedah Pengumpulan Data                                | 47        |
| 3.11.1   | Data Primer                                            | 47        |
| 3.11.2   | Data Sekunder                                          | 48        |
| 3.12     | Pembolehubah Kajian                                    | 48        |
| 3.13     | Kesimpulan                                             | 49        |
| <b>4</b> | <b>ANALISIS DATA</b>                                   | <b>50</b> |
| 4.1      | Pengenalan                                             | 50        |
| 4.1.1    | Analisis Kuantitatif                                   | 50        |
| 4.2      | Latar Belakang Responden                               | 50        |
| 4.2.1    | Analisis Frekuensi Untuk Jantina Responden             | 50        |
| 4.2.2    | Analisis Frekuensi Untuk Bangsa Responden              | 51        |
| 4.2.3    | Analisis Frekuensi Untuk Agama Responden               | 51        |
| 4.2.4    | Analisis Frekuensi Untuk Pekerjaan Bapa Responden      | 51        |
| 4.2.5    | Analisis Frekuensi Untuk Pekerjaan Ibu Responden       | 52        |
| 4.3      | Statistik Deskriptif Bagi Pembolehubah                 | 52        |
| 4.4      | Pengujian Hipotesis                                    | 52        |
| 4.4.1    | Hipotesis 1                                            | 52        |
| 4.4.2    | Hipotesis 2                                            | 53        |
| 4.4.3    | Hipotesis 3                                            | 53        |
| 4.4.4    | Hipotesis 4                                            | 54        |
| 4.5      | Kesimpulan                                             | 55        |
| 4.6      | Dapatan Kajian Hasil Kuantitatif                       | 55        |

|          |                                                     |           |
|----------|-----------------------------------------------------|-----------|
| <b>5</b> | <b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>           | <b>57</b> |
| 5.1      | Pengenalan                                          | 57        |
| 5.2      | Perbincangan                                        | 57        |
| 5.3      | Cadangan Pelaksanaan                                | 61        |
| 5.3.1    | Tindakan Bersepadu Sekolah, Ibu Bapa dan Masyarakat | 62        |
| 5.3.2    | Pendekatan akademik                                 | 65        |
| 5.3.3    | Penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan Sekolah  | 65        |
| 5.3.4    | Peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling               | 65        |
| 5.3.5    | Peranan PIBG                                        | 66        |
| 5.3.6    | Peranan Pihak Kerajaan                              | 66        |
| 5.4      | Pelan Tindakan                                      | 66        |
| 5.4.1    | Pengukuhan Interaksi Guru Dan Murid Di Bilik Darjah | 67        |
| 5.4.2    | Memperkasakan Penerapan Agama dan Moral             | 67        |
| 5.4.3    | Penggunaan Sistem Merit Demerit                     | 68        |
| 5.4.4    | Motivasi                                            | 69        |
| 5.4.5    | Bimbingan dan Kaunseling                            | 70        |
| 5.4.6    | Pemuafakatan Komuniti                               | 70        |
| 5.4.7    | Pameran Poster dan Papan Tanda                      | 70        |
| 5.4.8    | Hukuman Dan Dendaan                                 | 70        |
| 5.4.9    | Sekolah Penyayang                                   | 71        |
| 5.4.10   | Aktiviti Kokurikulum                                | 72        |
| 5.5      | Cadangan Kajian Lanjutan                            | 72        |
| 5.6      | Kesimpulan                                          | 73        |
|          | <b>RUJUKAN</b>                                      | <b>76</b> |
|          | <b>LAMPIRAN</b>                                     | <b>80</b> |
|          | <b>BIODATA PELAJAR</b>                              | <b>87</b> |

## SENARAI JADUAL

| Jadual |                                                                | Halaman |
|--------|----------------------------------------------------------------|---------|
| 1.1    | Bilangan Kes Disiplin Pelajar Tahun 2008 hingga Tahun 2012     | 4       |
| 3.1    | Taburan Item Soal Selidik Mengikut Aspek Kajian                | 43      |
| 3.2    | Skala Likert Bagi Jawapan Bahagian B                           | 44      |
| 3.3    | Skala Tahap Pekali Alpha Cronbach                              | 44      |
| 3.4    | Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian                  | 45      |
| 3.5    | Soalan Bahagian B                                              | 46      |
| 4.1    | Analisis Frekuensi untuk Jantina Responden                     | 50      |
| 4.2    | Analisis Frekuensi untuk Bangsa Responden                      | 51      |
| 4.3    | Analisis Frekuensi Untuk Agama Responden                       | 51      |
| 4.4    | Analisis Frekuensi Untuk Pekerjaan Bapa Responden              | 51      |
| 4.5    | Analisis Frekuensi Pekerjaan Ibu Responden                     | 52      |
| 4.6    | Statistik Deskriptif Bagi Pembolehubah                         | 52      |
| 4.7    | Hubungan Faktor Guru dan Pengajaran Guru dengan Tahap Disiplin | 53      |
| 4.8    | Hubungan Faktor Iubapa dan Keluarga dengan Tahap Disiplin      | 53      |
| 4.9    | Hubungan Faktor persekitaran Sekolah dengan Tahap Disiplin     | 54      |
| 4.10   | Hubungan Faktor Rakan Sebaya dengan Tahap Disiplin             | 54      |

## SENARAI RAJAH

| <b>Rajah</b> | <b>Halaman</b>                                                                                  |
|--------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.1          | Komponen Sikap Manusia 11                                                                       |
| 1.2          | Sikap Melalui Representasi Mental 12                                                            |
| 1.3          | Komponen Sikap Sumber : Ma'rof Redzuan (2010) 13                                                |
| 1.4          | Komponen Sikap Sumber: Rozmi 2011 13                                                            |
| 1.5          | Teori Hierarki Keperluan Maslow 16                                                              |
| 1.6          | Kerangka Teoritikal Kajian 20                                                                   |
| 1.7          | Kerangka Konseptual Mengenai Kajian Tingkah Laku Disiplin Murid Sekolah Rendah Daerah Klang. 21 |
| 2.1          | Definisi Niat 27                                                                                |
| 3.1          | Langkah-langkah Dalam Proses Penyelidikan Kuantitatif 41                                        |
| 3.2          | Lima Langkah Dalam Kaedah Sampling 42                                                           |
| 3.3          | Hubungan antara Pembolehubah Bebas dan Pembolehubah Bersandar 49                                |

## SENARAI RINGKASAN

|             |                                               |
|-------------|-----------------------------------------------|
| <i>ICT</i>  | Teknologi maklumat dan komunikasi             |
| <i>SPSS</i> | <i>Statistical Program for Social Science</i> |
| <i>SRS</i>  | <i>Stratified Random Sampling</i>             |
| SK          | Sekolah Kebangsaan                            |
| SMD         | Sistem Mata Dimerit                           |
| PK HEM      | Penolong Kanan Hal Ehwal Murid                |
| PIBG        | Persatuan Ibubapa dan Guru                    |
| SPD         | Sistem Pengurusan Disiplin                    |
| SMM         | Sistem Maklumat Murid                         |
| PENGASIH    | Persatuan Bekas-bekas Penagih Malaysia        |
| ADK         | Agensi Anti-Dadah Kebangsaan                  |
| YB          | Yang Berhormat                                |

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Para pelajar merupakan teras kepada pembangunan negara pada masa hadapan. Dewasa ini masalah disiplin yang melibatkan para pelajar sudah menjadi semakin serius. Ini mewajarkan seluruh pihak memberikan perhatian bagi membendung serta membanteras supaya masalah ini tidak menjadi satu fenomena yang menakutkan

Umum mengetahui bahawa matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang mulia serta berilmu pengetahuan dan untuk menyediakan sumber tenaga manusia. Justeru itu perkara ini tidak mungkin tercapai jika masalah disiplin tidak dikawal dan diawasi dengan segera. Ini telah terbukti dalam sejarah bahawa besar kemungkinan negara akan musnah dan peradaban akan hilang sekiranya warga negaranya tidak beretika dan tidak bermoral.

Dewasa ini remaja selalu menjadi fokus perbincangan para pengubal dasar dan anggota masyarakat umum terutama sekali apabila berkaitan dengan isu-isu permasalahan sosial. Perhatian seumpama ini menjadi lebih ketara sejak kebelakangan ini apabila banyak masalah dikaitkan dengan gaya hidup dan perilaku kanak-kanak. Fenomena seperti budaya samseng kanak-kanak, merokok, tidak mendengar pengajaran guru, ponteng sekolah, tidak menyiapkan kerja sekolah telah menjadi satu isu yang membimbangkan.

Dasar pendidikan yang digubal telah disesuaikan dari masa ke semasa adalah untuk meningkatkan mutu sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan semasa dan keperluan akan datang. Sehubungan dengan itu konsep dan proses pendidikan mestilah merangkumi aspek intelek, jasmani, serta pembinaan akhlak yang mulia, berani dan hormat menghormati sebagaimana disarankan oleh imam Al-Ghazali. Dalam hal ini juga pendidikan perlu difokuskan terhadap memperkembangkan potensi kanak-kanak hingga ke peringkat yang optimum bagi menjadikan mereka rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Masalah salah laku merupakan satu masalah serius daripada sekian banyak masalah di kalangan pelajar yang dihadapi oleh tiap-tiap sekolah samaada di bandar atau di luar bandar. Pelbagai langkah telah diambil oleh pelbagai pihak termasuk pihak Kementerian Pelajaran, pihak sekolah mahupun pihak swasta dalam kegiatan tidak sihat ini di kalangan pelajar sekolah. Perkara ini amat membimbangkan memandangkan kadar berlakunya keruntuhan nilai sosial dan kejadian salah laku di kalangan pelajar sekolah sentiasa meningkat tahun demi tahun. Perkara ini membawa kebimbangan terhadap masa depan negara kerana masa depan sesebuah negara sangat bergantung kepada generasi muda yang ada sekarang ini terutamanya pelajar-pelajar.

Pelbagai gejala sosial telah melanda masyarakat kita dewasa ini. Namun, oleh kerana golongan pelajar merupakan bakal pewaris negara, maka kegiatan merekalah yang selalu diperkatakan dan mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat. Media massa seringkali menyiarkan pelbagai berita dan cerita tentang kenakalan pelajar dan pelbagai masalah sosial yang melanda mereka. Salah satu masalah sosial yang dihadapi adalah masalah pelajar-pelajar yang sering ponteng sekolah. Masalah ponteng sekolah merupakan masalah yang terdapat di dalam institusi persekolahan. Ponteng sekolah antara salah satu masalah salah laku kian meningkat baik di peringkat sekolah rendah mahupun di sekolah menengah yang kini dianggap sebagai salah satu masalah disiplin yang semakin serius. Menurut Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, sebanyak 108,650 daripada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah pada tahun 2012. Isu ponteng sekolah merupakan penyumbang terbesar salah laku disiplin, iaitu 18,550 pelajar daripada jumlah tersebut (Kosmo Online Negara, Disember 2, 2013). Pelbagai cadangan mengenai cara mana mengatasi masalah disiplin telah dibuat, namun ia hanya berakhir di meja perbincangan, forum atau seminar. Memang ada program yang dirangka untuk pelajar tetapi ianya hanya memberi manfaat kepada segelintir mereka sahaja dan lebih bersifat komersial.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa, guru-guru, dan masyarakat perlulah berganding bahu dan bekerjasama dalam memikul tanggungjawab mendidik anak-anak dan para pelajar. Mereka haruslah bergabung tenaga dalam menangani salah laku disiplin dan akhlak pelajar supaya perkara ini tidak terus menjadi masalah yang boleh menjejaskan nama baik sekolah sekaligus nama baik negara.

Oleh yang demikian, adalah wajar supaya pelajar didedahkan dengan kesan buruk gejala salah laku dalam masyarakat melalui interaksi mereka di sekolah. Kerajaan juga perlu melancarkan satu kempen yang menyeluruh untuk menyedarkan pelajar supaya menghindarkan diri dalam apa jua bentuk gejala buruk yang boleh merosakkan diri dan nama baik keluarga mereka. Pelajar-pelajar ini juga perlu didedahkan dengan pengetahuan undang-undang agar mereka takut dengan hukuman.

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji punca-punca masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah rendah dari pelbagai aspek iaitu faktor-faktor diri, keluarga, rakan sebaya, pengajaran dan pembelajaran guru dan prasarana yang disediakan di sekolah. Faktor-faktor ini mungkin menjadi pengaruh kepada pelajar dari aspek punca-punca pelajar melakukan salah laku disiplin.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Masyarakat kita mempunyai pandangan yang berbeza di dalam memberi pengertian mengenai disiplin dan tingkah laku. Ada yang memberi pandangan yang positif dan tidak kurang juga yang memberi pandangan yang negatif mengenai disiplin. Bagi yang berfikiran positif, itu adalah yang sebaiknya tetapi bagaimana pula yang berpandangan negatif terhadap disiplin.

Pandangan yang negatif terhadap disiplin menjadi tumpuan dan isu yang popular pada masa ini. Perkara ini melibatkan individu dan juga masyarakat. Apa yang diperkatakan sekarang ialah masalah disiplin di sekolah semakin menjadi-jadi dan semakin menular bukan saja di dalam sekolah malah di luar kawasan sekolah. Isu yang berkaitan dengan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah sering diperkatakan pada masa kini dan menjadi fokus pihak media masa. Masalah disiplin melibatkan para pelajar sekolah begitu ketara dan ini amat meresahkan paraibu bapa serta masyarakat umum seluruhnya.

Merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6 / 1995, jenis-jenis salah laku pelajar terbahagi kepada lapan unit, iaitu:

- i. Tingkah laku jenayah
- ii. Tindakan lucah
- iii. Kekemasan diri
- iv. Tingkah laku tidak mementingkan masa
- v. Tingkah laku kurang sopan dan biadap
- vi. Tingkah laku musnah
- vii. Tingkah laku tidak jujur / menipu
- viii. Ponteng

Gejala ponteng merupakan masalah yang paling ketara dalam kalangan pelajar sekolah. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), sebanyak 5935 orang murid sekolah rendah terlibat dalam ponteng manakala 11,408 orang pelajar pula di peringkat sekolah menengah. Kes ponteng adalah masalah yang serius membabitkan pihak sekolah, guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Kegiatan ponteng dilakukan samaada secara individu atau secara kelompok. Masa atau hari untuk ponteng biasanya telah dirancang dan dapat dikenal pasti polanya.

Menurut Azad (2008), masalah ponteng sekolah ini bukan perkara baharu, malah semua orang pernah terlibat atau mengetahui tentangnya semasa di sekolah dahulu. Masalah ini sebenarnya berlaku sepanjang tahun, Cuma bilangannya meningkat setiap kali selepas peperiksaan sebelum cuti bermula.

**Jadual 1.1** menunjukkan bilangan kes disiplin pelajar dalam tempoh lima tahun (2008 hingga 2012) berada pada kadar purata 2.05%. Mengikut rekod kategori kes berat Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), analisis salah laku disiplin di sekolah dari tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan kes disiplin pada tahun 2012 didapati menurun sebanyak 0.02% daripada 2.05% pada tahun 2011 ke 2.03% pada tahun 2012. Jumlah keseluruhan kes disiplin pada tahun 2010 ialah 111 484 kes manakala pada tahun 2011 pula ialah 110 218 kes dan pada tahun 2012 ialah 107 191 kes. Jenis kes salah laku yang paling ketara ialah ponteng sekolah iaitu seramai 17 313 kes, kurang sopan seramai 15 407 kes, tingkah laku berunsur jenayah seramai 14 321 kes, merokok seramai 14 298 kes, kekemasan diri seramai 13 926 kes, tidak pentingkan masalah seramai 10 403 kes manakala kenakalan seramai 9926 kes.

**Jadual 1.1 : Bilangan Kes Disiplin Pelajar Tahun 2008 Hingga Tahun 2012**

| Bil           | Jenis Kes Salah Laku          | 2008          |             | 2009          |             | 2010          |             | 2011          |             | 2012          |             |
|---------------|-------------------------------|---------------|-------------|---------------|-------------|---------------|-------------|---------------|-------------|---------------|-------------|
|               |                               | Bil Murid     | %           | Bil Murid     | %           | Bil Murid     | %           | Bil Murid     | %           | Bil Murid     | %           |
| 1             | Tingkah Laku Berunsur Jenayah | 19452         | 0.35        | 17518         | 0.32        | 17595         | 0.32        | 18457         | 0.34        | 14321         | 0.27        |
| 2             | Berunsur Lucah                | 3138          | 0.04        | 2915          | 0.05        | 3031          | 0.06        | 2163          | 0.05        | 3378          | 0.07        |
| 3             | Kurang Sopan                  | 22921         | 0.42        | 20808         | 0.38        | 18346         | 0.34        | 17189         | 0.32        | 15407         | 0.29        |
| 4             | Laku Musnah                   | 3949          | 0.07        | 3979          | 0.07        | 5212          | 0.10        | 5343          | 0.10        | 3630          | 0.70        |
| 5             | Kekemasan Diri                | 15672         | 0.29        | 20361         | 0.37        | 21384         | 0.39        | 20778         | 0.39        | 13926         | 0.26        |
| 6             | Ponteng Sekolah               | 20363         | 0.37        | 20286         | 0.37        | 19515         | 0.36        | 18751         | 0.35        | 17313         | 0.33        |
| 7             | Kenakalan                     | 8523          | 0.16        | 9797          | 0.18        | 8563          | 0.16        | 8923          | 0.17        | 9926          | 0.19        |
| 8             | Tidak Pentingkan Masalah      | 18348         | 0.34        | 16314         | 0.30        | 17808         | 0.33        | 18611         | 0.35        | 10403         | 0.20        |
| 9             | Buli                          |               |             |               |             |               |             |               |             | 4159          | 0.08        |
| 10            | Rokok                         |               |             |               |             |               |             |               |             | 14298         | 0.27        |
| <b>Jumlah</b> |                               | <b>112366</b> | <b>2.08</b> | <b>111978</b> | <b>2.00</b> | <b>111484</b> | <b>2.06</b> | <b>110218</b> | <b>2.05</b> | <b>107191</b> | <b>2.03</b> |

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2012)

### 1.3 Penyataan Masalah

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof dalam Utusan Malaysia 7 November 2014 melaporkan, Kementerian Pendidikan Malaysia merekodkan 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah yang terlibat dalam salah laku disiplin bagi tempoh Januari hingga Jun.

Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) berkata statistik kes jenayah juvana pada tahun 2014 meningkat sebanyak 24% daripada tempoh sama 2013. Dari segi tangkapan, sebanyak 8,015 dibuat untuk tempoh sama tahun 2014 berbanding 6,802 pada tahun 2013.

Salah laku di kalangan pelajar merupakan satu masalah yang telah lama wujud di negara ini dan sekarang mula menular di kalangan pelajar sekolah rendah. Masalah ini juga boleh dikatakan telah wujud seumur dengan sejarah pendidikan itu sendiri. Peningkatan mendadak bilangan pelajar yang terlibat dengan pelbagai salah laku sosial juga telah menimbulkan pelbagai spekulasi serta implikasi terhadap masyarakat. Secara keseluruhannya salah laku ini meliputi keruntuhan moral, merokok, ponteng sekolah, ponteng kelas, tidak menghormati guru, vandalisme, tidak jujur, buli, mencuri dan juga kekemasan diri.

Mengikut pengalaman dan pemerhatian penyelidik sendiri semasa mengajar, terdapat banyak faktor yang menyebabkan pelajar melibatkan diri dalam gejala salah laku disiplin, antaranya adalah disebabkan sikap pelajar, rakan sebaya, ibu bapa dan guru. Selain itu faktor-faktor persekitaran sekolah, pengurusan sekolah dan prasarana sekolah juga boleh menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dalam gejala salah laku.

Dalam analisis yang dibuat, kebanyakan pelajar yang terlibat dalam gejala salah laku disiplin datangnya dari keluarga yang serba kekurangan. Pelajar-pelajar seringkali menghadapi masalah dari aspek persekitaran tempat tinggal, sosioekonomi keluarga dan pergaulan antara rakan. Kebanyakan ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak dapat menyediakan perbelanjaan yang mencukupi untuk menampung bilangan anak yang ramai. Jadi untuk meringankan beban keluarga, ada pelajar yang sanggup berhenti sekolah dan bekerja untuk mendapatkan wang untuk perbelanjaan harian mereka.

Dalam kegawatan ekonomi sekarang, kedua-dua ibu bapa kini sentiasa bekerja di luar dari awal pagi hingga larut malam. Masa mereka bersama dengan anak semakin berkurang sehingga anak-anak tidak dapat menyampaikan perasaan mereka kepada ibu bapa. Lama-kelamaan, anak tersebut akan cuba menggunakan cara yang negatif seperti ponteng sekolah kerana mereka berjaya mendapat perhatian daripada ibu bapa mereka. Malangnya, anak-anak ini akan berkawan dengan orang luar semasa mereka memontong sekolah dan kesannya “kawan baharu” ini akan mengajak mereka pergi ke tempat lain untuk berhibur sehingga anak-anak ini tidak lagi mementingkan pelajarannya.

Antara pengaruh yang ketara sekali ialah rakan sebaya. Rakan sebaya dapat mempengaruhi disiplin seseorang pelajar. Sekiranya nilai-nilai rakan sebaya tidak mementingkan ketekunan, tanggungjawab, kerjasama, menepati masa, menghormati guru dan mematuhi peraturan, begitulah sikap murid berkenaan. Begitu juga sebaliknya, sifat-sifat sosial positif rakan sebaya juga menghasilkan seseorang individu yang amat menekankan nilai moral dalam satu-satu masyarakat seperti sifat kepimpinan, bertimbang rasa dan bekerjasama.

Persekitaran pelajar juga diperkatakan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi personaliti seorang individu kearah pencapaian yang baik dalam pelajaran, selain daripada faktor baka. Antara faktor persekitaran itu termasuklah faktor peranan masyarakat, motivasi dan peranan multimedia. Pada era siber ini, pelajar mudah dapat pengaruh yang tidak sihat melalui media seperti internet, televisyen, video, VCD dan lain-lain lagi. Ketidak terbatasan pendedahan ini mempengaruhi tingkah laku pelajar itu sehari-hari. Golongan pelajar adalah golongan yang mudah terdedah dan mereka menurut apa yang dilihat dan ditonton melalui media itu. Mereka cuba mempraktikkan apa yang mereka tonton.

Kajian ini juga adalah merupakan satu kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah tingkah laku dan disiplin di kalangan pelajar sekolah rendah di sekitar daerah Klang. Faktor-faktor yang dikenal pasti untuk dibuat kajian ialah pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya pengaruh sikap pelajar, pengaruh guru dan pengaruh persekitaran sekolah terhadap masalah disiplin pelajar sekolah rendah di sekolah sekitar daerah Klang. Pengkaji ingin memastikan faktor yang manakah yang dapat memberi pengaruh yang kuat terhadap berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar dan dapat membantu para pendidik dalam tugas harian mereka dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah Kementerian Pelajaran pada masa akan datang.

#### **1.4 Objektif Kajian**

##### **Objektif Am**

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan di antara faktor guru dan pengajaran guru, ibu bapa dan keluarga, persekitaran sekolah dan rakan sebaya dengan tahap salah laku disiplin pelajar.

##### **Objektif Khusus**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang hendak dicapai. Di antaranya ialah

1. Menghuraikan latar belakang responden (umur, jantina, agama, bangsa dan sosio demografi, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu dan tempat kediaman) keluarga responden.

2. Mengenal pasti hubungan faktor guru dan pengajaran guru mempengaruhi pelajar tahap 2 melakukan tingkah laku dan disiplin di Sekolah Kebangsaan Telok Pulai, Klang dan Sekolah Kebangsaan Taman Gembira Klang.
3. Menentukan hubungan antara faktor ibu bapa dan keluarga yang mempengaruhi pelajar tahap 2 melakukan tingkah laku dan disiplin di Sekolah Kebangsaan Telok Pulai Klang dan Sekolah Kebangsaan Taman Gembira Klang.
4. Menentukan perbezaan faktor persekitaran yang mempengaruhi pelajar tahap 2 melakukan tingkah laku dan disiplin di Sekolah Kebangsaan Telok Pulai Klang dan Sekolah Kebangsaan Taman Gembira Klang.
5. Mengenalpasti bagaimana faktor rakan sebaya mempengaruhi pelajar tahap 2 melakukan tingkah laku dan disiplin di Sekolah Kebangsaan Telok Pulai Klang dan Sekolah Kebangsaan Taman Gembira Klang.

### **1.5 Hipotesis Kajian**

Hipotesis adalah saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji atau saranan sementara bagi penyelesaian masalah (Mohd Majid, 2005). Hipotesis membolehkan penyelidik mengaitkan teori dengan cerapan dan memberi jangkaan penyelidik mengenai hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Bukti-bukti daripada cerapan penyelidikan akan menentukan sama ada sesuatu hipotesis itu perlu diterima atau tidak.

Bagi tujuan melaksanakan kajian mengenai tingkah laku dan disiplin kanak-kanak sekolah rendah, beberapa persoalan utama kajian diutarakan seperti berikut:

**Objektif 1:** Adakah terdapat hubungan antara faktor guru dengan tahap tingkah laku dan disiplin pelajar di Sekolah Rendah Daerah Klang.

Ha 1: Wujud hubungan yang signifikan di antara faktor guru dan pengajaran guru dengan tahap disiplin pelajar.

**Objektif 2:** Adakah terdapat hubungan antara faktor ibu bapa dan keluarga dengan tahap tingkah laku dan disiplin pelajar di Sekolah Rendah Daerah Klang.

Ha 2: Wujud hubungan yang signifikan di antara faktor ibu bapa dan keluarga dengan tahap disiplin pelajar.

**Objektif 3:** Adakah terdapat hubungan antara faktor persekitaran dengan tahap tingkah laku dan disiplin pelajar di Sekolah Rendah Daerah Klang.

Ha 3: Wujud hubungan yang signifikan di antara faktor persekitaran sekolah dengan disiplin pelajar.

**Objektif 4:** Adakah terdapat hubungan antara faktor rakan sebaya dengan tahap tingkah laku dan disiplin pelajar di Sekolah Rendah Daerah Klang.

Ha 4: Wujud hubungan yang signifikan di antara faktor pengaruh rakan dengan tahap disiplin pelajar.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ini adalah fokus kepada faktor utama kemerosotan disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah berdasarkan sikap pelajar, guru, keluarga, suasana sekolah dan rakan sebaya. Kajian ini melibatkan pelajar tahap 2 (tahun 4, 5 dan 6) di Sekolah Kebangsaan Telok Pulai, Klang dan SK Taman Gembira, Klang. Kajian dilakukan pada seramai 450 pelajar tahap 2 dipilih yang terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan dan lelaki iaitu 330 murid lelaki dan 120 murid perempuan.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2012 memaparkan bilangan pelajar yang terlibat dengan gejala salah laku disiplin ialah seramai 107, 191 orang. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh terutama oleh pihak yang terlibat secara langsung dalam dunia pendidikan, iaitu ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat umum meskipun angka tersebut dianggap kecil berbanding lima juta bilangan keseluruhan pelajar. Peranan keluarga (ibu bapa), guru-guru, pihak pengurusan sekolah, kaunselor-kaunselor sekolah dan juga masyarakat perlu bagi mendepani masalah salah laku disiplin dengan bijaksana serta mencari jalan dalam membendung gejala tersebut.

Adalah sangat penting untuk mengetahui faktor-faktor sebenar yang menyebabkan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah rendah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah pelajar.

Kajian ini juga diharapkan boleh dijadikan maklum balas terutamanya kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan pentadbir Sekolah Rendah Negeri Selangor khususnya Daerah Klang serta ibu bapa untuk mengenal pasti cara terbaik untuk mengatasi masalah salah laku di kalangan pelajar.

Hasil kajian ini dapat membantu ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran bagi menjauhi gejala salah laku dalam kalangan anak-anak mereka agar menjadi individu yang bersikap positif demi kesejahteraan masa depan mereka. Dengan ini mereka akan mendidik anak-anak mereka sejak kecil lagi dan meluangkan masa yang lebih supaya mengetahui perkembangan anak-anak di sekolah dan melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah serta dapat menceburi bidang yang sesuai. Ibu bapa juga dapat mengenal pasti tindak-tanduk anak-anak mereka. Mereka akan dapat melihat personaliti dan tingkah laku anak-anak mereka sama ada bertingkah laku positif atau negatif. Secara tidak langsung ibu bapa akan dapat membanteras gejala salah laku dalam kalangan pelajar di sekolah rendah.

Hasil kajian boleh membantu menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia tentang faktor-faktor tingkah laku disiplin yang wujud di sekolah rendah.

Kajian ini juga membantu pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran negeri merangka dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani masalah salah laku dalam kalangan pelajar sekolah rendah seperti garis panduan dan mengkaji semula peraturan-peraturan yang membabitkan disiplin pelajar.

Dari hasil kajian ini diharapkan guru-guru dapat mengenal pasti kekerapan salah laku dalam kalangan pelajar di sekolah rendah. Guru-guru juga boleh mengenal pasti pelajar-pelajar yang bermasalah, memahami punca salah laku tersebut serta bertindak sebagai ibu bapa yang kedua yang mampu membimbing mereka agar berubah kepada sikap yang lebih positif. Para guru juga dapat mengetahui perubahan tingkah laku pelajar yang negatif di sekolah yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mendorong kesediaan pelajar menjauhi gejala salah laku dan lebih menumpukan kepada kecemerlangan diri.

Dapatan daripada hasil kajian ini akan membantu pihak pengurusan sekolah untuk memastikan faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi para pelajar untuk melakukan salah laku disiplin supaya dapat mengenal pasti langkah-langkah pencegahannya. Kajian ini juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah membendung gejala salah laku disiplin yang sememangnya menyukarkan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak pengurusan sekolah untuk merangka, merancang dan melaksanakan tindakan untuk memperbaiki disiplin pelajar.

Hasil kajian ini amat berguna untuk dijadikan panduan oleh kaunselor-kaunselor di sekolah-sekolah dalam mengenal pasti kekerapan gejala salah laku dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Dengan adanya maklumat tersebut, akan memudahkan lagi tugas mereka dalam membimbing dan memberi kesedaran terhadap pelajar yang bermasalah.

Masyarakat juga berperanan dalam menegur serta mengawal pelajar agar menjauhi gejala salah laku. Masyarakat juga seharusnya berupaya memainkan peranan dalam membentuk keperibadian remaja. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat, memberi sokongan dan mendidik remaja yang sedang meningkat dewasa agar mampu berfikiran positif.

Hasil kajian ini dapat menyediakan sumber rujukan dan maklumat kepada penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

Data-data dan keputusan dari kajian ini diharap dapat digunakan sebagai panduan untuk mengambil tindakan susulan yang sewajarnya dalam usaha untuk mengurangkan atau mengatasi masalah salah laku di kalangan para pelajar.

Kajian ini juga diharapkan dapat menghasilkan maklumat yang berguna untuk dijadikan garis panduan bagi Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan pentadbir sekolah-sekolah rendah di Negeri Selangor khususnya daerah Klang dalam usaha mengurangkan masalah salah laku di kalangan para pelajar.

## **1.8 Limitasi Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat perkara-perkara yang di luar kawalan dan menjadi batasan kepada penyelidik, antaranya ialah:

- i. Kajian ini adalah kajian awal yang hanya ditumpukan kepada pelajar tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Telok Pulai dan SK Taman Gembira sahaja. Dengan itu, dapatan dari kajian ini hanyalah terpakai kepada tempat dan kumpulan yang dipilih sahaja. Kajian ini juga tidak boleh dijadikan kesimpulan untuk mewakili tahap tingkah laku dan disiplin pelajar sekolah rendah keseluruhannya.
- ii. Data-data yang diperolehi dari soal selidik dianggap tepat kerana responden dan jawapan yang diberikan oleh pelajar dalam kajian ini diandaikan telah diberikan dengan jujur dan benar.

## **1.9 Kerangka Teoritik**

### **1.9.1 Teori-teori Kemerosotan Disiplin**

Sejak dilahirkan, saban hari persekitaran mempengaruhi pembentukan diri seseorang individu secara langsung mahu pun tidak langsung. Tingkahlaku haiwan berlandaskan naluri yang diwarisi daripada genetik, sebaliknya manusia diperoleh menerusi proses pembelajaran, yang akhirnya membolehkan manusia hidup dalam pelbagai persekitaran (Ma'rof & Haslinda, 2008). Menurut Gagne (2001), pembelajaran bermaksud satu perubahan ke atas sifat manusia atau kebolehan dikekalkan. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku yang tetap dan berlaku kerana pengalaman atau latihan (pembelajaran) yang diperteguhkan.

Pembelajaran akan melibatkan proses pengkodan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan terhadap sesuatu kejayaan (Schunk, 1996). Seterusnya pendedahan kepada persekitaran pembelajaran ini menjadi amalan yang akhirnya membentuk sikap seseorang individu tersebut.


### **1.9.2 Konsep Sikap dan tingkah laku**

Sikap boleh didefinisikan sebagai penilaian manusia terhadap dunia sosiologi. Penilaian ini meliputi aspek positif dan sikap negatif. Sikap juga dikaitkan dengan pandangan, rasa, fikiran, percaya dan seumpamanya (Rozmi, 2011). Sikap juga dikaitkan dengan penilaian umum terhadap manusia termasuklah dirinya sendiri, objek dan isu yang sifatnya berterusan dan melibatkan sesuatu jangka waktu (Petty & Cacioppo, 1986). Sikap merupakan satu konsep yang penting dalam psikologi sosial. Banyak kajian terhadap sikap

dilakukan untuk mengetahui kesan ke atas tingkah laku seseorang. Walau bagaimanapun terdapat beberapa teori yang sering dikaitkan dengan sikap (Mann, 1969; Secord and Backman, 1964). Selain itu, aspek ketakserasian kognitif (*disonans kognitif*) yang dikemukakan oleh Festinger turut melihat berkaitan dengan sikap. Kebanyakan penelitian yang dilakukan bagi mengaitkan antara sikap dengan sesuatu objek Y.Bagus Wismanto, 2010). Sikap merupakan cerminan peribadi dan personaliti. Melalui sikap, personaliti boleh dibentuk. Sikap terbentuk secara dalaman yang dipamerkan melalui tingkah laku (Azizi Yahya et al. 2004) seseorang individu.

Sikap merujuk kepada penilaian umum yang kekal dibuat oleh individu terhadap diri sendiri, individu lain dan objek atau sesuatu isu (Robert K. Maerton dan Robert Nisbet (1976); Mohd Mokzan Musa, (2001) Ajzen (2001), Fazio (2000) Rozmi (2011). Bagi mengenal pasti dan melihat dengan lebih jelas, komponen sikap boleh dibahagikan kepada tiga komponen iaitu, pertama komponen proses tingkahlaku yang mengaitkan dengan tindakan segera pernyataan lisan dan tingkah laku. Kedua komponen proses efektif yang berbentuk simpati, respons cemas terhadap pernyataan perasaan. Komponen ketiga ialah proses kognitif yang melibatkan pernyataan kepercayaan dan respons terhadap sesuatu objek.


Komponen sikap dalam **Rajah 1.1**



**Rajah 1.1 : Komponen Sikap Manusia**

Sumber: Azizi Yahya et al. (2004)

Sikap juga boleh dikaitkan dengan representasi mental yang tidak berubah terhadap sosial dan fizikal. Proses ini melalui pengalaman yang membolehkan seseorang itu bertindak atau bertingkah laku. Sebagai satu contoh seorang murid pernah menghadapi sesuatu yang buruk terhadap seseorang guru. Ini bermakna murid tersebut telah membentuk representasi mental terhadap guru tersebut. Pembentukan representasi tersebut akibat daripada pengalaman buruk yang pernah dilalui akhir sekali mempengaruhi tingkah lakunya. Sikap ini dapat diterjemahkan dalam rajah 1.2.




**Rajah 1.2 : Sikap Melalui Representasi Mental**

Sumber: Mohd Mokhzan Musa (2001)

Gambaran representasi mental di atas menggambarkan ketiga-tiga komponen yang membentuk sikap iaitu aspek kognitif, efektif dan tingkah laku. Lantaran itu pengalaman lampau boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang. Ini menunjukkan sikap merupakan komponen yang penting terhadap tingkah laku sosial dan pemikiran manusia (Mohd Makzan, 2001). Justeru, Bringham (1991) berpendapat bahawa aspek sikap merupakan konsep yang terpenting dalam disiplin psikologi sosial.


Lazimnya manusia akan bertindak atau bermaklumbalas terhadap sesuatu rangsangan, sama ada rangsangan itu berupa manusia, idea, pendapat, fahaman atau pun benda. Tindak balas terhadap sesuatu rangsangan itu berbeza-beza bentuknya, walau bagaimanapun rangsangan tersebut termasuk ke dalam salah satu unsur yang membentuk sikap iaitu aspek pemikiran, perasaan dan kognitif (Ma'rof Redzuan 2010; Rozmi 2011). Akhirnya sama ada disadari mahu pun sebaliknya, pengetahuan yang dimiliki melalui rangsangan tersebut mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Ini bermakna sikap merupakan satu penilaian umum, sama ada dalam bentuk positif mahupun negatif terhadap sesuatu objek. Umumnya sikap merujuk kepada gabungan kepercayaan, perasaan serta kecenderungan bertingkah laku terhadap sesuatu objek. Bagi melihat dengan lebih jelas apa yang dimaksudkan dengan sikap tersebut, terdapat tiga komponen yang membentuk sikap dalam psikologi sosial iaitu aspek kognitif (pemikiran), efektif (perasaan) dan psikomotor (tingkah laku).



**Rajah 1.3 : Komponen Sikap**  
Sumber : Ma'rof Redzuan (2010)

Menurut Rozmi (2011), sikap juga meliputi tiga komponen iaitu proses tingkah laku, proses afektif dan proses kognitif. Hal ini dapat digambarkan dalam Rajah 1.4 di bawah.



**Rajah 1.4 : Komponen Sikap**  
Sumber: Rozmi 2011

### 1.9.3 Kognitif

Aspek kognitif dalam konteks tingkah laku sosial seperti kemampuan membuat penilaian dan tafsiran terhadap tingkah laku orang lain sehingga boleh mempengaruhi bentuk tingkah laku yang dipamerkan (Rozmi 2011). Komponen kognitif melibatkan pengetahuan dan kepercayaan. Komponen ini mencerminkan intelektual seseorang berlandaskan pemikiran yang dimilikinya. Melalui komponen kognitif, seseorang itu boleh melakukan penilaian terhadap sesuatu objek. Sebagai contoh yang dinyatakan

dalam rajah di atas, kita mengetahui dan menyedari perbuatan pengguguran kandungan merupakan hak wanita dan tidak salah. Sebaliknya bagi mereka yang berpegang kepada agama, perbuatan pengguguran itu merupakan perbuatan yang tidak baik. Penilaian baik atau buruk ini terletak pada pengetahuan, pengalaman, kepercayaan dan sterotaip serta penilaian seseorang terhadap sesuatu objek tersebut. Proses kognitif ini berlaku secara tidak langsung.

#### **1.9.4 Afektif**

Komponen afektif merupakan komponen yang penting mengaitkan dengan perasaan seseorang terhadap sesuatu objek sasaran sikap, samaada suka atau sebaliknya terhadap sesuatu objek. Komponen afektif juga merupakan suatu reaksi emosi objek sikap; perasaan positif atau negatif yang dibangkitkan oleh objek sikap. Setelah pengetahuan yang diperoleh atau mempengaruhinya terhadap suka duka objek sikap tersebut. Berdasarkan rajah di atas, contoh yang diberikan “saya berasa bimbang mengenai peraturan pengguguran” “saya berasa selesa menjalani pengguguran”. Contoh lain saya tidak menyukai Matematik, melihat orang tidak berumah membuatkan saya sedih; pelanggaran disiplin membuatkan saya marah. Kesemua ini dikaitkan dengan aspek perasaan seseorang.

#### **1.9.5 Tingkah laku (psikomotor)**

Tingkah laku atau psikomotor merupakan jelmaan terhadap sesuatu sikap. Komponen sikap ini terjelma hasil daripada gerakan tindak balas terhadap sesuatu objek berlandaskan pengetahuan dan perasaan yang dimiliki seseorang individu. Tingkah laku adalah asas utama sikap yang boleh diperhatikan melalui perlakuan, kita tidak ketahui sesuatu perasaan seseorang melainkan dijelmakan melalui tingkah laku (Elliot et al. 2007). Merujuk kepada rajah di atas setelah diketahui dan mempunyai perasaan terhadap pengguguran, seseorang perempuan itu mungkin melakukan pengguguran atau pun sebaliknya.

Berdasarkan ketiga-tiga komponen yang dibincangkan jelas menunjukkan bahawa terdapat perkaitan rapat antara aspek afektif, psikomotor dan kognitif bagi membentuk sikap seseorang individu (Mohd Makzan Musa, 2001). Dalam rajah di atas menunjukkan bahawa hubungan antara komponen afektif dengan komponen tingkah laku ditandai dengan H (at), antara komponen tingkah laku dengan komponen kognitif H (tk), dan antara komponen afektif dengan komponen kognitif H (ak). (H=hubungan, a = afektif, t = tingkah laku dan k = kognitif). Hubungan ketiga-tiga aspek ini saling mempengaruhi (Ma'rof Redzuan, 2010). Contoh lain berkaitan dengan model sesebuah kereta, misalnya kenderaan jenis Toyota Prius. Apabila seseorang itu ditunjukkan dengan model tersebut wujud perasaan untuk mengetahui, malah teruja untuk melihat kereta tersebut (afektif). Dia juga percaya bahawa kereta tersebut jenis hybrid dan menjimatkan bahanapi berdasarkan pengetahuannya (kognitif), seterusnya dia mungkin ke wakil penjual untuk pandu uji, kemudian membeli kereta itu. Tindakan membeli tersebut merupakan tingkah laku (Elliot et al 2007) yang menggambarkan sikap pembeli tersebut.

Sikap dapat dibentuk melalui pendeakan terhadap sesuatu objek secara berulang kali yang akhirnya dapat menambah kesukaan terhadap objek berkenaan (Ma'rof, 2010). Ahli psikologi sosial mencadangkan beberapa teori berkaitan pembentukan sikap iaitu melalui teori pemerhatian dan pembelajaran klasik. Melalui teori ini dapat menjelaskan perasaan, pemikiran dan tingkah laku yang muncul secara berbeza mengikut keperluan psikologikal semasa seseorang (Rozmi, 2011). Dalam kajian ini, penyelidik melihat perubahan dan pembentukan sikap ini melalui pelaziman atau kebiasaan dan pemodenan yang diterangkan dalam teori pembelajaran dan pembentukan sikap. Terdapat dua pelaziman dan satu peniruan yang selalu dikaitkan dengan pembentukan sikap seseorang individu iaitu pelaziman klasik, pelaziman operan dan pemodelan atau peniruan.

Sebahagian daripada sikap kita dibentuk melalui proses pelaziman klasik. Sesuatu sikap itu dibentuk hasil daripada rangsangan terhadap sesuatu perkara, sama ada sikap itu positif atau negatif. Pelaziman klasik ialah satu bentuk pembelajaran yang mempunyai kesan yang kuat ke atas pembentukan sikap, kegembiraan dan kebencian serta tindak balas semasa (Ma'rof & Haslinda, 2008). Apabila sesuatu rangsangan yang pada mulanya neutral (sebagai contoh bunyi loceng) dikaitkan dengan satu rangsangan yang lain secara automatik yang menghasilkan satu rekreasi lain (makanan yang lazat) menyebabkan kita boleh mengeluarkan air liur, lama kelamaan rangsangan yang neutral tersebut menyebabkan berlakunya reaksi yang sama terhadap objek tersebut. Fenomena ini dikenali sebagai kesan pendedahan (Zajonc, 1965).

Pembentukan sikap juga boleh berlaku melalui pelaziman operan. Pelaziman operan ini berlaku yang dikaitkan dengan ganjaran atau hukuman yang dialami oleh seseorang individu atau kanak-kanak. Ganjaran dan hukuman ini mempengaruhi pembentukan sikap. Peneguhan positif (ganjaran) amat penting terhadap tingkah laku. Prinsip pelaziman operan ini sering kali dikaitkan dengan tindak balas terhadap sesuatu objek dengan sengaja apabila peneguhan diberikan. Pelaziman operan ini berkait langsung dengan tokoh Edward Thorndike dan B.F. Skinner. Thorndike percaya bahawa kesemua haiwan termasuk manusia dapat menyelesaikan masalah melalui pembelajaran cuba-cuba. Tingkah laku yang berjaya menjadi lebih kerap untuk diulang, sebaliknya jika tindakan tidak berjaya, tingkah laku itu tidak diulang (Ma'rof & Haslinda, 2008).

#### **1.9.6 Teori Hirarki Keperluan Maslow**

Abraham Maslow ialah tokoh humanistik yang mengaitkan motivasi intrinsik dengan pembelajaran individu dalam teori keperluan beliau. Keperluan adalah kehendak manusia bagi menyempurnakan keadaan kekurangan, gangguan dan ketidakseimbangan dalam dirinya. Keperluan manusia dapat diklasifikasikan kepada keperluan fisiologi dan keperluan psikologi. Keperluan fisiologi adalah keperluan asas manakala keperluan psikologi adalah keperluan sekunder. Abraham Maslow (1970), berpendapat, individu memenuhi keperluan asas terlebih dahulu sebelum memenuhi keperluan sekunder.

Maslow menjelaskan keperluan-keperluan manusia itu secara berperingkat-peringkat. Peringkat keperluan yang lebih tinggi tidak mungkin diperoleh sekiranya keperluan yang lebih rendah tidak dipenuhi terlebih dahulu. Pada peringkat paling asas, terdapat

keperluan hayat atau keperluan fisiologi. Selepas keperluan ini dipenuhi, barulah keperluan keselamatan, kasih sayang, penghargaan sendiri ataupun penghormatan diri dan penyempurnaan sendiri dapat dikecap. Peringkat tertinggi atau puncak bagi keperluan manusia adalah peringkat keperluan bagi penyempurnaan sendiri.

Model Maslow yang berbentuk peringkat itu adalah perkembangan ontologi individu diikuti dengan kasih sayang dan penghormatan diri. Keperluan ini terus bertambah sehingga ke peringkat penyempurnaan sendiri.

Kajian Maslow mendapati, semakin tinggi keperluan individu, semakin kurang pergantungan pada persekitaran sosial. Ini adalah kerana, individu menggunakan pengalaman lampau bagi menentukan tingkah lakunya. Pada masa ini, motivasi pada kemahuan dalaman, kemampuan, potensi, bakat dan kreativiti individu. Sementara itu, persekitaran sosial adalah faktor desakan dalam mencapai kemahuan ini. Sebab itulah Maslow menamakan keperluan peringkat terbawah sebagai keperluan kekurangan dan peringkat paling tinggi sebagai peringkat perkembangan.



**Rajah 1.5 : Teori Hierarki Keperluan Maslow**

Menurut Maslow (1970), keperluan kesempurnaan sendiri mempunyai ciri-ciri manusia seperti berikut:

1. Berkemampuan melihat diri sendiri, orang lain dan alam sekeliling
2. Mempunyai kecekapan yang tinggi
3. Mempunyai perasaan sentiasa menghargai

4. Kreatif
5. Mempunyai ciri-ciri orang yang demokratik
6. Mempunyai hubungan interpersonal
7. Mempunyai kebebasan
8. Bersikap spontan
9. Mempunyai sikap dan perasaan kasih mengasihi
10. Pergaulan peramah

Individu yang sempurna tidak semestinya mencapai semua ciri-ciri kesempurnaan sendiri sekaligus. Jika individu mencapai kesemua ciri-cirinya, ia dikenali sebagai individu unggul. Oleh yang demikian, tingkah laku pelajar berubah apabila terdapat kekurangan keperluan terhadap dirinya. Keperluan kesempurnaan sendiri di kalangan pelajar adalah amat penting untuk mengelakkan berlakunya kemerosotan disiplin.

#### **1.9.7 Teori Konsep Kendiri**

Teori konsep sendiri yang dikemukakan oleh Rogers (1940), mengenai organisme dan sendiri manusia. Organisme adalah pusat segala pengalaman yang melibatkan kesedaran bagi sesuatu masa. Terdapat pengalaman yang tidak realistik. Pengalaman yang tidak diuji ini boleh membuatkan dia bertingkah laku dengan tidak realistik atau merosakkan dirinya sendiri.

Menurut Rogers (1981), konsep sendiri bermaksud definisi diri yang kita berikan pada diri kita secara sadar apabila menggunakan perkataan saya, iaitu ia adalah suatu gambaran persepsi sendiri yang tersusun yang dapat dibawa ke peringkat sadar. Kendiri terjadi hasil dari gabungan di antara penilaiannya sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Misalnya, jika seseorang itu mempunyai konsep sendiri yang baik dan bila berada di sesuatu tempat dia dilayan dan diberi perhatian.

Pembentukan personaliti secara umum adalah bagi semua individu. Oleh itu, pelajar yang tidak membawa masalah disiplin, latar belakang keluarga mempunyai konsep harga sendiri yang tinggi. Remaja ini berasal dari keluarga yang mendapat sokongan ibu bapa dan persekitaran. Ibu bapa bersikap menunjukkan minat memberi layanan, dan mesra. Remaja didedahkan dengan gaya hidup yang permisif bukan mendera dan mempunyai amalan demokrasi.

Rogers percaya remaja yang mengalami masalah dan melakukan aktiviti tingkah laku boleh dididik oleh ibu bapa dengan memberikan perhatian kepada perbualan anak-anak remaja. Di samping itu, setiap pendapat yang baik perlu diberi penghormatan oleh ibu bapa. Ibu bapa juga boleh membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh anak-anak remaja dengan memberikan penjelasan dan hukuman yang sesuai. Ibu bapa harus meneliti tingkah laku remaja di luar kawasan rumah atau sekolah. Salah satu prinsip teori konsep sendiri ialah ibu bapa dan guru perlu mengadakan perhubungan mesra dengan pelajar. Apabila hubungan yang rapat diwujudkan pelajar dapat meluahkan isi hati kepada mereka.

Selain pembentukan sikap melalui pelaziman operan, pelaziman klasik, hierarki keperluan Maslow dan konsep sendiri, sikap juga dapat dibentuk melalui peniruan berasaskan pemerhatian. Teori ini diketengahkan oleh Albert Bandura yang merupakan salah seorang ahli psikologi yang mendokong pandangan kognitif dalam pembelajaran. Manusia belajar melalui pelaziman klasik dan pelaziman operan, tetapi pembelajaran juga boleh berlaku melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain. Ini membuktikan bahawa sikap dapat dibentuk melalui peniruan berdasarkan model tersebut. Aksi peniruan ini lebih ketara jika individu yang paling rapat dengan kanak-kanak tersebut, khususnya ibu bapa. Walau bagaimanapun, peniruan model yang salah mengukuhkan lagi tabiat dan pembentukan tingkah laku yang salah dan membahayakan (Bandura & Ross, 1963).

#### **1.9.8 Teori Pembelajaran Sosial Oleh Bandura Sebagai Model Kajian**

Dalam kajian ini penyelidik memilih teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura (1977), sebagai model kajian kerana teori ini melihat masalah salah laku disiplin sebagai tingkah laku yang boleh dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semulajadi dalam diri individu. Oleh itu pendekatan teori pembelajaran sosial adalah sesuai pada pandangan penyelidik untuk melihat dan menganalisis masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah. Menurut Bandura (1977), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku pelajar remaja iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif. Pendekatan teori pembelajaran sosial juga menekankan kepentingan penilaian kognitif dan emosi. Teori ini memperlihatkan pengaruh-pengaruh sadar dan penentu-penentu sosial ke atas personaliti. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan teori pembelajaran sosial sebagai model kajian kerana teori ini menekankan peranan model dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Menurut Bandura (1977), latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif.

Menurut Bandura (1973), juga menerangkan bahawa tanpa kewujudan peneguhan secara langsung individu juga mempelajari tingkah laku agresif melalui pemerhatian terhadap orang lain atau melalui pelbagai pengalaman yang mereka alami. Bagi menunjukkan bagaimana kanak-kanak meniru tingkah laku agresif selepas memerhatikan tingkah laku model mereka, Bandura (1973) telah menjalankan eksperimen terhadap lima kumpulan kanak-kanak. Kumpulan pertama melibatkan dewasa terhadap patung bobo. Kanak-kanak dalam kumpulan kedua didedahkan kepada filem yang menayangkan tingkah laku agresif orang dewasa. Kanak-kanak dalam kumpulan ketiga pula memerhatikan tingkah laku agresif karakter karton terhadap patung bobo. Kanak-kanak dalam kumpulan keempat pula telah bertindak sebagai kumpulan kawalan dan mereka tidak didedahkan kepada sebarang bentuk pemerhatian. Kanak-kanak dalam kumpulan kelima pula didedahkan kepada tingkah laku tidak agresif.

Dapatan daripada eksperimen yang dijalankan oleh Bandura ialah kanak-kanak yang memerhati tingkah laku agresif individu lain samaada secara langsung atau melalui kanak-kanak dalam kumpulan kawalan dan tingkah laku tidak agresif. Bandura juga bertingkah laku kurang agresif berbanding kumpulan kawalan. Keputusan daripada eksperimen ini menunjukkan bahawa manusia boleh mempelajari sesuatu tanpa sebarang penglibatan peneguhan dan hukuman secara langsung.

Teori ini menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggungjawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang membentuk tingkah laku agresif seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung (Renfrew, 1997).

Jika dikaitkan dengan teori pembelajaran sosial, perkara yang dilakukan oleh anak-anak merupakan hasil dari pemerhatian dan peniruan daripada ibu bapanya. Penyelidik juga memilih teori ini kerana dalam teori pembelajaran sosial menekankan aspek interaksi antara manusia dan persekitaran (Bandura, 1977).

Beliau menyarankan konsep 'determinisme timbal balik' yang mengatakan bahawa manusia mempengaruhi untung nasibnya melalui pengawalan kuasa-kuasa di sekitarnya tetapi mereka juga dipengaruhi oleh kuasa-kuasa persekitaran ini. Keadaan ini merupakan satu proses interaktif, saling berkaitan dan timbal balik antara tingkah laku manusia, persekitaran dan proses dalaman seperti kognisi dan persepsi. Ini bermakna manusia dapat mengawal kehendak dan tingkah laku, sementara persekitaran pula dapat mengawal serta mempengaruhi perkara yang dilakukan oleh individu.


Teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura (1973) juga merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Oleh itu, individu mempelajari dan melakukan tingkah laku devian secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ibu bapa mereka. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan remaja sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku devian dalam kehidupan mereka.

Penggunaan Teori Pembelajaran Sosial diyakini sesuai oleh penyelidik kerana teori ini mengambil kira peranan kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang pelajar. Teori Pembelajaran Sosial merupakan gabungan teori pengukuhan rangsangan dan tingkah laku manusia akibat daripada pengaruh interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain.

Bandura menekankan bahawa jika dahulu kanak-kanak tidak tahu bertingkah agresif, maka kanak-kanak ini dikatakan telah belajar bertingkah laku agresif. Atas dasar inilah golongan ahli-ahli psikologi sosial ini menyarankan bahawa proses perubahan tingkah laku inilah yang dikatakan pembelajaran, yang berlaku melalui peniruan.

Mengikut teori pembelajaran sosial, ponteng sekolah, membuli, melepak adalah tingkah laku yang dikawal oleh ganjaran dan peneguhan luaran (Bandura, 1977). Tingkah laku ponteng kelas, membuli, melepak digolongkan dalam tingkah laku agresif remaja melepak seolah-olah memprotes segala perkara yang ada dalam kehidupan setempat mereka sehingga menimbulkan tanggapan mereka tidak puas hati. Oleh itu, tingkah laku ponteng,

membuli, merupakan hasil daripada proses pembelajaran dan peniruan terhadap tingkah laku orang lain.



Rajah 1.6 : Kerangka Teoritik Kajian

### 1.9.9 Aplikasi Teori Pembelajaran Sosial Bandura


Dalam teori pembelajaran sosial menjelaskan isu-isu berkaitan dengan tingkah laku remaja. McCandless (1970), menggunakan prinsip-prinsip pembelajaran sosial dengan memberikan perhatian kepada aspek-aspek perasaan tertekan. Oleh yang demikian, Bandura (1977), telah menekankan kelakuan moral dari kod moral supaya kanak-kanak membesar dapat dipengaruhi oleh ibu bapa, guru dan masyarakat. Dengan itu teori Bandura (1977), adalah lebih sesuai digunakan untuk memahami pembelajaran tingkah laku pelajar-pelajar sekolah.

Dalam pendidikan sosial ini peniruan di kalangan pelajar didedahkan kepada perkara-perkara yang negatif boleh membawa kepada peniruan tingkah laku yang salah. Pengaruh-pengaruh yang cepat dipelajari oleh pelajar perlu mengawal bahan-bahan kerosakan daripada remaja.

Tingkah laku merosakkan merupakan tingkah laku yang paling kerap terdapat di kalangan pelajar yang berumur di antara 10 hingga 14 tahun. Sikap agresif mereka kelihatan dalam tingkah laku yang merosakkan. Jenis-jenis tingkah laku yang merosakkan termasuk permusuhan nyata, vandalisme aktiviti kumpulan liar, mengugut guru, mencalar kereta atau motosikal guru dan menconteng dinding bangunan sekolah.

### 1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian seperti dalam Rajah 1.7 iaitu tingkah laku disiplin sebagai pembolehubah bersandar dan guru dan pengajaran guru, ibu bapa dan keluarga, persekitaran sekolah dan pengaruh rakan sebagai pembolehubah bebas.



**Rajah 1.7 : Kerangka Konseptual Kajian**

### 1.11 Definisi Konseptual dan Operasional

Bagi memastikan kajian ini lebih berfokus, pengkaji akan menjelaskan definisi konseptual dan definisi operasional yang digunakan bagi setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini.

Bahagian ini akan menekankan definisi dari konsep-konsep serta pembolehubah untuk kajian ini.

### 1.11.1 Sikap

#### Konseptual:

Sikap adalah satu penilaian umum dalam bentuk positif atau negatif terhadap sesuatu (Petty dan Cacioppo, 1985, Ma'rof 2001). Sikap juga merupakan salah satu gerakan kearah sesuatu tingkah laku (Ajzen, 1985). Sesuatu sikap itu merujuk kepada gabungan kepercayaan, perasaan dan kecenderungan tingkah laku. Ketiga-tiga elemen tersebut berkaitan antara satu sama lain dalam menentukan sikap.

Menurut Ajzen (2005), sikap sebagai satu penilaian individu terhadap pelaksanaan sesuatu tingkah laku. Dalam penilaian tersebut akan melibatkan dua aspek iaitu aspek yang menguntungkan (*favourable*) atau tidak menguntungkan (*unfavourable*) jika seseorang tersebut melakukan tingkah laku tersebut. Secara umumnya, jika implikasi daripada sesuatu tindakan itu menguntungkan, maka ia akan meningkatkan akan niatnya untuk melakukan sesuatu perlakuan tersebut (Ajzen & Fishbein, 1980), sebaliknya jika sesuatu perlakuan tersebut mendatangkan ketidakuntungan atau faedah, maka akan mengurangkan niatnya untuk melakukan perlakuan tersebut.

#### Operasional:

Dalam kajian ini, sikap merujuk kepada cara murid-murid ini bertingkah laku hasil daripada pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan diri sendiri.

### 1.11.2 Tingkah laku

#### Konseptual:

Tingkah laku seseorang individu adalah sebahagian daripada interaksi ataupun tindakan dengan persekitarannya (Cooper, Heron, & Heward, 1980). Menurut Azizi (2007), tingkah laku merujuk kepada apa yang dilakukan oleh manusia dan boleh diukur secara objektif. Tingkah laku adalah sebahagian daripada sikap seseorang individu. Tingkah laku juga merupakan hasil kepada sesuatu pembelajaran. Kejayaan sesuatu pembelajaran ditunjukkan melalui perubahan tingkah laku. Misalnya murid-murid di dalam bilik darjah. Dalam psikologi sosial perbuatan memahami sifat dan sebab seseorang bertingkah laku dalam sesuatu situasi sosial.

#### Operasional:

Tingkah laku yang tidak sopan atau tidak mengikut norma-norma yang dikehendaki oleh masyarakat sesebuah sekolah. Rosnani Kaman (2001) menjelaskan salah laku atau pelanggaran disiplin sebagai perbuatan atau tabiat yang menyalahi undang-undang atau kehendak masyarakat setempat.

Dalam kajian ini salah laku dirujuk sebagai aktiviti atau perbuatan yang tidak menyerupai norma atau jangkaan sesuatu masyarakat atau institusi sosial. Dalam konteks sekolah maka salah laku adalah sebarang tindakan atau perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan serta undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

### 1.11.3 Disiplin

#### Konseptual:

Mengikut Kamus Dewan (2007), disiplin membawa erti “latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh kepada tata tertib”. Foucault (1977), menyatakan disiplin merupakan satu bentuk pengawasan dan membiasakan amalan yang dikehendaki. Pandangan beliau melihat sekolah sebagai sebuah ‘mesin pedagogi’ dan pelajar-pelajar didisiplinkan supaya mematuhi peraturan-peraturan. Berbagai-bagai cara disiplin dijalankan seperti dengan mengadakan jadual waktu, sistem pastoral, buku kedatangan, perhimpunan, pakaian seragam, peperiksaan, pengredan dan sebagainya.

Mok Soon Sang (1995) berpendapat, dalam konteks masyarakat, disiplin bermaksud peraturan yang dipersetujui oleh ahli-ahli bagi mewujudkan tingkah laku yang sesuai demi menjamin kesempurnaan kehidupan mereka dalam masyarakat itu. Manakala pada peringkat sekolah pula, disiplin adalah peraturan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman ataupun ganjaran.

Panduan Am Disiplin sekolah-sekolah (1981:1) mendefinisikan disiplin sebagai ‘peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh sesuatu kelompok atau badan masyarakat bagi mewujudkan tingkah laku yang baik demi kesempurnaan kehidupan masyarakat ini. Disiplin juga adalah cara berfikir yang teratur yang melahirkan sifat rasional, keyakinan diri dan ketabahan hati seseorang.’

Contoh jenis perlakuan ini adalah seperti menepati masa, berinisiatif, rajin, suka membantu, bersopan-santun, dan menghormati orang lain (KPM, 1981). *Panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Murid-Murid sekolah (1982)* pula menegaskan yang disiplin adalah unsur yang mewujudkan ketertiban masyarakat dan menjadi panduan tingkah laku yang patut diamalkan oleh setiap warga dalam sesuatu masyarakat dan negara.

### 1.11.4 Pengaruh

Perlakuan yang ditiru atau diikuti dan akan menyebabkan perubahan tingkahlaku dari sikap yang positif kepada sikap negatif ke atas diri seseorang pelajar.

### 1.11.5 Pelajar

#### Konseptual:

Menurut Kamus Dewan (2007), mentakrifkan pelajar sebagai murid ataupun penuntut. Pelajar adalah golongan orang yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti. Pelajar pula membawa maksud, "sesiapa yang berada di bangku sekolah dan bertujuan untuk mendapatkan pelajaran secara formal sama ada di sekolah menengah ataupun sekolah rendah. Pelajar juga bermaksud seseorang, tanpa mengira umurnya, yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan oleh sesuatu institusi pendidikan. (Akta Pendidikan 1996)

#### Operasional:

Pelajar adalah individu-individu yang sedang belajar di dalam tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Telok Pulai dan SK Taman Gembira Klang. Mereka terdiri daripada pelajar lelaki dan juga perempuan. Manja (1990) menyatakakan pelajar-pelajar sekolah rendah sebagai pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang masih menuntut dari tahun satu hingga tahun enam yang terdiri daripada pelbagai etnik. Dalam konteks kajian ini pelajar adalah dimaksudkan individu yang sedang belajar di sekolah rendah kerajaan.

### 1.11.6 Guru

#### Konseptual:

Menurut Kamus Dewan (2007), guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Guru bertanggungjawab sebagai kaunselor, pengadil, polis, hakim, pelakon, kerani, jururawat, pensyarah, penulis, setiausaha, pekerja sosial dan lain-lain.

Guru ertinya seseorang yang ..

- i. mengajar murid di sesuatu institusi pendidikan, atau
- ii. menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan atau melalui pusat pendidikan jarak jauh. (Akta Pendidikan 1996)

Guru juga bermaksud." a person who teaching (for living)". (Oxford Dictionary 1999). Abd. Rahman (1992) mendefinisikan guru sebagai orang yang melaksanakan tanggungjawab terhadap pembelajaran orang lain.

#### Operasional:

Dalam kajian ini guru merujuk kepada mereka yang dilantik oleh kerajaan untuk mengajar sejumlah waktu kepada pelajar di sekolah rendah kerajaan.

### **1.11.7 Persekitaran**

#### **Konseptual:**

Merujuk kepada keadaan-keadaan yang terdapat di sekeliling pelajar sama ada di sekolah atau di rumah yang boleh mempengaruhi tingkah laku pelajar. Ia merujuk kepada perasaan seseorang individu memasuki sesuatu tempat. Sesuatu persekitaran mungkin memberi perasaan sunyi, aman, menarik, buruk, menggerunkan sesuatu tempat dihasilkan melalui ketertiban, keamanan cahaya, bunyi, teksur, warna, suhu dan bau.

Persekitaran sekolah dapat dirujuk dari sudut ekologi atau secara mudahnya ia merujuk kepada faktor-faktor fizikal seperti bangunan dan tapak, keindahan taman, kemudahan alatan dan bahan. Jelasnya, bahawa persekitaran dan ekologi yang baik mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah (Omardin, 1996). Dalam kajian ini, suasana merujuk kepada keadaan dalam sekolah dan keadaan dalam bilik darjah.

Keadaan dan kemudahan-kemudahan yang meliputi kemudahan fizikal, proses pengajaran dan pembelajaran serta dasar-dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

#### **Operasional:**

Dalam kajian ini persekitaran merujuk kepada kemudahan fizikal, proses pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan di sekolah rendah kerajaan.

### **1.11.8 Rakan sebaya**

#### **Konseptual:**

Kawan atau sahabat karib yang sentiasa bersama-sama, saling berinteraksi dan mempengaruhi tingkah laku serta penampilan diri seseorang.

#### **Operasional:**

Dalam kajian ini rakan sebaya merujuk kepada sahabat yang sering berinteraksi dan sama-sama belajar di sekolah menengah kerajaan.

## RUJUKAN

- Abdullah Al-Qari Hj Salleh. (1982), Kedudukan Niyat dan Ikhlas. Universiti Malaya. Selangor. Pustaka Asa Kenali Kelantan.
- Abdullah Hassan. (Mac, 1998). “*Masalah Pelanggaran Peraturan Disiplin di Sekolah*”. Universiti Putra Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Abdullah Sani Yahya. (2005), Mengurus Disiplin Pelajar, PTS Publication, Selangor.
- Abdullah Sani Yahya. (2005), Mengurus Hal Ehwal Pelajar, PTS Publication, Selangor.
- Abdul Rahman Ahmad. (2006), Pembangunan Modal Insan, Apa dan Kenapa Perlu dalam Konteks Organisasi di Malaysia. Kuala Lumpur. Pustaka Darul Hikmah.
- Ahmad Iman Arief. (2007), Modal Insan Cemerlang, Sabunai Media, Kuala Lumpur.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1997) . *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Jabbar. (Mac, 1996). *Masalah Disiplin di Sekolah-Sekolah*. Pembentangan Kertas Kerja dalam Seminar Disiplin Negeri Selangor, Shah Alam, Selangor.
- Amir Al-Rafizat (1997) *Gejala Sosial dan Keruntuhan Moral Perempuan Melayu*. Dewan Masyarakat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arifin Hassan (1998) *Faktor-faktor Pelanggaran Disiplin Pelajar Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Port Dickson*. UUM
- Asnarulkhadi Abu Samah, Dr. (2007), Memahami Konsep Modal Insan, Berita Harian 25 Jun 2007, Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005), Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur.
- Atan Long (1984). *Pendidik dan pendidikan*. Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Awang Had Salleh. (1994). *Disiplin, Sebuah Tinjauan Konsep Dari Segi Pendidikan*. *Jurnal Pendidikan*, hal 1-12.
- Azizah Lebai Nordin (2001). *Masalah disiplin pelajar dan penyelesaiannya dari perspektif pengetua sekolah*. Kertas kerja Bengkel Kursus Pengetua-Pengetua Negeri Kelantan. 2001.
- Azizan Saleh. (2000). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi salah Laku Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Kawasan Perlis Selatan*. Universiti Utara Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Barlow H.D dan Ferdinand (1992). *Juvenile Delinquency*, 4<sup>th</sup> edition, Ally & Bacon.
- Best, J.W dan Kahn, J.V (1998), *Research In Education*. ed. M.A; Allyn and Bacon.

- Bown, B.L. (1998). Learning Styles and Vocational Education Practice. Practice Application Brief. Abstract Micrifiche ERIC Documentation.ED422478
- Boyson R (1973) Order and purpose in B. Turner (Ed), Discipline in school, Ward Lock Educational, London.
- Brenda, S. Griffin, Charles T. Griffin (1978) Juvenile delinquency in perspective. Harper & Row. London.
- Chapbell R E, Corbally & Nystrand, R.O. (1977). Introduction to educational administration. Edition 6. Massachussetts. USA and Baron Inc.
- Charles C. M. (1992) Building Classroom Discipline. Forth Edition. Longman, New York.
- Cohen, Stewart (1987), Growing up with children : An introduction to work with young children, Holt, Rinehart and Winston, New York.
- Ee Ah Meng (1990) Pendidikan bimbingan dan kaunseling. Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1994) Siri Pendidikan pengurusan sekolah dan bilik darjah, Kuala Lumpur, Fajar Bakti.
- Faridah Karim. (1991). Masalah Ponteng Sekolah dalam Rohaty Mohd Majzub (Peny.). *Disiplin Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur, Nurun Enterprise.
- Halinnan M.T. (1983), Friend in school: Pattern of selection and influence in secondary school, Academic Press, New York.
- Haron Abd. Ghani (19980. *Masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah daerah Kubang Pasu*. UUM
- Hasnah Bt. Ghani & Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd. Rahman. (1995), Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian, Percetakan As Saff, Selangor.
- Husin Mahmood, (1997) Kepimpinan dan keberkesanan sekolah: Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mamat (2001). Pengetua sekolah, menangani isu dan cabaran kepimpinan, Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Jessup, Micheal H. and Kiley, Margate A. (1971), Discipline: Positive attitudes for learning, Prentice Hall, Inc. Englewood Cliff, New Jersey.
- James, Ang Jit Eng (2007), Pengurusan Disiplin Murid. PTS Publication. Selangor.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006), Rancangan Malaysia ke-9, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (Edisi Pelancaran)

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). *Panduan Bagi Mengatasi Masalah Ponteng di Sekolah*. Kuala Lumpur : Unit Disiplin Bahagian Sekolah, KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983), *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru*, Kuala Lumpur, 1983.
- Kerlinger,F.N. (1973).” Foundation of Behavioral Research,” New York : Holt, Rine and Winston.
- Ma’rof Redzuan (2001), *Psikologi Sosial*, Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*, Cetakan kedua, Johor Bahru :Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamad Najib Abdul Ghafar(2000), *Penyelidikan Pendidikan* , Johor Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Ismail Othman.(2006), *Undang-undang Untuk Pengetua & Guru Besar*, PTS Publication, Selangor.
- Mohd Majid Konting (1993), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting Dr. (1997), *Asas Penyelidikan Sains Sosial, Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir.(2005), *Akhlaq Dan Kaunseling Islam*, Utusan Publication Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ahmad Ismail Al-Muqaddam (2008). *Kaedah dan Panduan Menggapai Cita-cita. Hidup Pasti Ada Cita-cita*, Selangor, Pustaka Dini.
- Norizn Ismail (1997) *Sikap guru sekolah menengah daerah Pekan Pahang terhadap pusat sumber sekolah*. UMS.
- Omardin Ashaari (1998). *Peranan, tugas dan tanggungjawab guru di sekolah*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Othman Puteh, Dr., (Jun 2000). *Pelajar Mahu Diberi Perhatian*; Dewan Siswa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Purkey, S. dan Smith, M (1983) *Effective school: A review*, Elementary School Journal, Vol 83.
- Rohana, (2000). *Penyelidikan Pendidikan*, Johor Universiti Teknologi Malaysia.

- Rohaty Mohd Majzub (1991), *Disiplin dalam pendidikan*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur.
- Rosnani Kaman (2001). *Disiplin dan salah laku di kalangan pelajar, kajian kes di sebuah sekolah menengah harian*. UUM
- Sakaran, Uma (1982). *Research Methods for Business : A Skill-Building Approach*. 2nd Edition, John Wiley & Sons Inc, New York.
- Sayed A. Rahman Sayed Mohd. (Disember, 1996). Masalah Sosial di Kalangan Remaja dan tindakan yang Perlu di Lakukan Oleh Pelbagai Pihak. *Jurnal Kebajikan*, Vol. 18, No. 2.
- Shafie Husin (2001). *Menangani masalah disiplin di sekolah : Persepsi pengetua*. Bengkel Kursus Pengetua-Pengetua Negeri Kelantan 2001.
- Siti Aisyah Ismail (1995). *Pengurusan Devian Remaja : Satu kajian gejala ponteng sekolah di daerah Kubang Pasu, Kedah*. UUM
- Slee, Roger (1995), *Changing Theories and practice of discipline*, The Palmer Press. London.
- Sofiah Hamid (1992). Sistem mentor dalam pengurusan hal ehwal pelajar berisiko. Kertas seminar nasional ke-2. Pengurusan Pendidikan Aminuddin Baki. 28 November 1992.
- Stegal, AF. (1998). *Statistic and Analysis Introduction*, New York : John Willey and Sons.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- V. Raman. (2003). Masalah Sosial Di kalangan Remaja: Punca dan Penyelesaian. *Jurnal Pendidikan*, hal. 1-5.
- Wolf, RM (1998), *Question eres dalam Keeves, J.P. (Eds). Educational Researchs Methodology and Measurement and International Hand Book.*, Oxford: Pergamon.
- Yusri Kamin (2000), *Perkembangan Profesional Graduan KH Lulusan UTM di sekolah Di Negeri Johor*. Tesis Master (Tidak di Terbitkan )
- Zainal Abidin Bakar (1990). *Teknik Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Eastview Production.
- Zainal Abidin Safarwan (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK: SEMESTER PERTAMA 2016/2017

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGARUH PERSEKITARAN SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU DISIPLIN MURID  
SEKOLAH RENDAH DI KLANG, SELANGOR, MALAYSIA.

**NAMA PELAJAR :** HASEENA BANU BT ABDUL KALAM

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (V )

☐

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

☐

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

☐

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]